



## KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Perbadanan Putrajaya**  
**Tel: 03-88877033 Faks: 03-88811008**

### **MEMPERKASAKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PUTRAJAYA, 16 DISEMBER 2019** – Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tuan Haji Khalid bin Abd Samad menyempurnakan Majlis Penyampaian Sijil Peserta Pementoran Keusahawanan *Start Up & Scale Up* Peringkat Wilayah Persekutuan dan Penyampaian Sumbangan “Jom Balik Sekolah” bertempat di Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3.

Turut hadir bersama Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), YBhg. Datuk Wan Ahmad Uzir bin Hj. Wan Sulaiman dan Naib Presiden Perkhidmatan Bandar PPj, YBhg. Datuk Azizi bin Haji Ahmad Termizi.

Julung kali diadakan, program Kursus Pementoran Keusahawanan *Start Up & Scale Up* Peringkat Wilayah Persekutuan merupakan salah satu program inisiatif Wilayah Peduli KWP dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat, kebajikan rakyat, meringankan kos sara hidup serta menaikkan taraf hidup rakyat Wilayah Persekutuan. Selain itu, program anjuran bersama PPj ini bertujuan untuk membantu usahawan melonjakkan prestasi perniagaan dan lebih berjaya pada masa hadapan melalui latihan bimbingan *coaching* dan *mentoring*.

Program selama 6 bulan bermula Mei hingga November 2019 telah disertai seramai 92 peserta yang terdiri daripada warga Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Para peserta telah dilatih dan prestasi dipantau oleh tenaga pengajar yang bertauliah. Antara aktiviti dan latihan adalah kelas pengurusan perniagaan, perancangan kewangan, teknik pemasaran serta pengiklanan digital, program bersama CEO cemerlang dan pelbagai lagi.

Kesemua peserta menerima sijil tamat kursus dan seramai 48 orang peserta telah dipilih untuk menerima anugerah-anugerah antaranya Anugerah Usahawan Harapan, Anugerah CEO Cemerlang dan Usahawan Unggul Wilayah Persekutuan.

Majlis juga turut menyaksikan penyampaian sumbangan “Jom Balik Sekolah” kepada 60 orang pelajar berbentuk wang tunai, baucar serta kelengkapan persekolahan tajaan Marina Putrajaya Sdn. Bhd, Hotel Pulse Grande dan Putrajaya Holdings.

Program ‘Jom Balik Sekolah’ merupakan inisiatif KWP dan agensi dalam Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) membantu golongan keluarga miskin (B40) yang tersenarai dalam sistem e-Kasih di Putrajaya untuk meringankan bebanan kewangan serta membantu dalam persiapan kelengkapan persekolahan anak-anak yang bakal memulakan sesi persekolahan tahun 2020. Di samping itu, memberikan peluang pembelajaran serta mengurangkan kadar keciciran anak-anak dalam sistem persekolahan dan seterusnya meningkatkan keyakinan, jati diri serta memperkasakan keupayaan/kebolehan generasi ini pada masa hadapan sejajar dengan hasrat kerajaan.

Untuk pertanyaan lanjut berhubung Majlis Penyampaian Sijil Peserta Pementoran Keusahawanan *Start Up & Scale Up* Peringkat Wilayah Persekutuan dan Penyampaian Sumbangan “Jom Balik Sekolah”, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-88877347 / 019-3354346 atau e-mel ke alamat [m.fairus@ppj.gov.my](mailto:m.fairus@ppj.gov.my).

**(TENGKU AINA BINTI TENGKU ISMAIL SHAH)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: Disember 2019